

Isteri bekas PM didapati bersalah atas tiga pertuduhan rasuah bernilai RM1.25 bilion

# Rosmah dijel 10 tahun, denda RM970j

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN

**KUALA LUMPUR** – Mahkamah Tinggi di sini semalam menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun dan denda RM970 juta terhadap Datin Seri Rosmah Mansor selepas bersalah atas tiga pertuduhan rasuah berkaitan tenaga solar di sekolah luar bandar di Sarawak bernilai RM1.25 bilion.

Hakim Mohamed Zaini Mazlan mensabitkan Rosmah bersalah selepas mendapati isteri bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak itu bersalah atas ketiga-tiga pertuduhan selain tertuduh juga gagal menimbulkan keraguan yang munasabah di akhir pembelaannya.

Dalam prosiding itu, pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan-timbalan Pendakwa Raya iaitu Datuk Seri Gopal Sri Ram, Ahmad Akram Gharib, Mohamad Mustafa P. Konyalam, Nadia Mohd. Izhar dan Poh Yih Tinn.

Sementara pihak pembelaan pula diwakili peguam Datuk Akberdin Abdul Kader, Datuk Jagjit Singh dan Azrul Zulkifli Stork.

Mengikut pertuduhan pertama, Rosmah, 71, didakwa meminta suapan untuk dirinya sendiri bernilai RM187.5 juta, yang dibuat melalui bekas pegawai khususnya, Datuk Rizal Mansor, iaitu 15 peratus nilai kontrak daripada bekas Pengarah Urusan Jepak Holdings Sdn. Bhd, Saidi Abang Samsudin.

Wang itu sebagai upah membantu Jepak Holdings mendapatkan projek dikenali Projek Bersepadu Sistem Solar Photovoltaic (PV) Hibrid dan Penyelenggaraan serta Operasi Genset/Diesel bagi 369 Sekolah Luar Bandar



**ROSMAH** hadir pada perbicaraan keputusan kes rasuah membabitkan projek solar hibrid bernilai RM1.25 bilion di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur semalam.

Sarawak bernilai RM1.25 bilion secara rundingan terus daripada Kementerian Pendidikan.

Bagi pertuduhan kedua, beliau didakwa menerima rasuah berjumlah RM1.5 juta daripada Saidi sebagai upah membantu Jepak Holdings mendapatkan projek itu di No 11, Jalan Langgak Duta, Taman Duta di sini pada 7 September 2017.

Bagi pertuduhan ketiga, Rosmah didakwa menerima suapan RM5 juta daripada Saidi menerusi Rizal kerana membantu Jepak Holdings mendapatkan projek

serupa di tempat yang sama di Jalan Langgak Duta.

Rosmah didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Sabit kesalahan, ia memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi.

Terdahulu, Rosmah gagal dalam permohonannya untuk

menggugurkan Hakim Mohamed Zaini dalam kes rasuah tersebut.

Hakim Mohamed Zaini memutuskan demikian selepas mendengar hujah daripada kedua-dua pihak di sini semalam selain menolak permohonan selaku pemohon.

Kelmarin, Rosmah dalam notis usul yang difaillkan dan affidavit sokongan yang diikrarkannya, isteri bekas Perdana Menteri meragui integriti hakim berkenaan ekoran insiden pembocoran dokumen penghakiman yang disiarkan oleh sebuah portal berita.

## Kronologi kes rasuah Datin Seri Rosmah Mansor

- **15 November 2018** – Rosmah dihadapkan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas pertuduhan meminta rasuah wang tunai RM187.5 juta dan menerima suapan RM1.5 juta membabitkan projek pembekalan dan pemasangan tenaga solar di 367 sekolah luar bandar di Sarawak. Rosmah tidak mengaku bersalah dan minta dibicarakan
- **15 November 2018** – Bekas Pegawai Khas Datuk Seri Najib Tun Razak, Datuk Rizal Mansor didakwa di Mahkamah Sesyen atas tuduhan menerima rasuah RM500,000 bagi dirinya dan RM5 juta bagi pihak Rosmah membabitkan projek itu
- **10 April 2019** – Rosmah sekali lagi dihadapkan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas pertuduhan menerima suapan RM5 juta berhubung projek yang sama. Rosmah tidak mengaku bersalah
- **18 Februari 2021** – Mahkamah Tinggi memerintahkan Rosmah membela diri terhadap tiga pertuduhan selepas pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap beliau
- **5 Oktober 2021** – Rosmah mula memberi keterangan membela diri
- **23 Februari 2022** – Rosmah selesai membela diri dan pembelaan menutup kes
- **12 Mei 2022** – Mahkamah Tinggi menetapkan 7 Julai 2022 untuk keputusan Rosmah
- **1 Julai 2022** – Keputusan kes itu dijudualkan semula dan ditetapkan pada 1 September 2022